

06/09/2003

Penyertaan IAP paling ramai sepanjang tujuh tahun

MESYUARAT Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kali ke-7 tahun ini menyaksikan penyertaan paling ramai dalam sejarah penubuhan IAP tujuh tahun lalu dengan penyertaan seramai 31 orang - 16 daripadanya adalah ahli IAP, manakala selebihnya perwakilan.

IAP ke-7 tahun ini dipengerusikan buat kali terakhir oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad diadakan di Cyberjaya dan turut dihadiri sama oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Multimedia Development Corp (MDC), Tan Sri Abdul Halim Ali.

Ketika diadakan di Palo Alto (Amerika Syarikat) pada 1997, mesyuarat itu membabitkan 22 ahli dan tahun seterusnya diadakan di MDC dengan membabitkan 23 peserta (11 ahli dan 12 perwakilan); 1999 (25 peserta, 12 ahli dan 13 perwakilan); 2000 (27 peserta, 12 ahli dan 15 perwakilan); 2001 (25 peserta, lapan ahli dan 17 perwakilan) dan 2002 (26 peserta, 14 ahli dan 12 perwakilan).

Kali ini turut menyaksikan kemasukan dua ahli baru yang sebelum ini memegang status pemerhati iaitu Pengerusi Satyam Computer Services, Ramalinga Raju dan Naib Provost bagi Inisiatif Baru, Institut Teknologi Illinois, Dennis Roberson.

IAP ini juga turut menyaksikan penyertaan kali pertama daripada Naib Canselor Emiratus, Profesor Kejuruteraan Elektrikal, Universiti Cambridge, Profesor Sir Alec Broers; Naib Presiden Kanan (Korporat), Fujitsu Limited, Kazuo Murano; Naib Presiden Eksekutif, Motorola Inc, Gene Delaney dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pasifik, Hans-Peter Klaey.